

10 APR 2004

Mahathir-Komputer

M'SIA MAMPU TANDINGI NEGARA MAJU MELALUI KEMAHIRAN PENGGUNAAN KOMPUTER

MUKAH, 10 April (Bernama) -- Malaysia mampu mencapai kedudukan yang setanding dengan negara maju menjelang tahun 2020 sekiranya usaha yang sedang dijalankan bagi meningkatkan kemahiran penggunaan komputer di kalangan rakyatnya bukan saja dikekalkan, malah terus dipertingkatkan.

Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata: "Kita boleh dapat ilmu terbaik daripada pakar terkemuka dari dalam dan luar negara, malah dari jarak jauh, melalui kaedah canggih ini."

Dr Mahathir berkata demikian semasa melancarkan program pembelajaran komputer Cambridge ICT Starter SRK Datuk Awang Udin di sini.

Ia merupakan program pengenalan kepada dunia teknologi komunikasi maklumat (ICT), menyediakan kerangka bagi kemahiran dan pengetahuan dalam penggunaan komputer yang patut diperolehi dan dimajukan dalam persekitaran yang diwujudkan khusus untuk kumpulan umur dan persekitaran tertentu.

Program itu dijayakan oleh Danawa Resources Sdn Bhd, Yayasan Mukah dan kerajaan negeri.

Dr Mahathir berkata komputer menjadi sesuatu yang sangat berguna dalam proses pendidikan di negara ini.

Malah, mereka yang tinggal di kawasan terpencil tanpa kehadiran guru juga boleh mendapat dan menguasai ilmu melalui komputer, katanya.

Beliau berkata komputer juga boleh merapatkan jurang standard antara pelajar bandar dan luar bandar dan oleh itu kerajaan amat perlu memberi perhatian serius kepada pembangunan ICT.

Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri atas usahanya memperkenalkan penggunaan gentian optik dalam usaha menyediakan kemudahan pendidikan di kawasan luar bandar.

Ia bukan saja memberi manfaat kepada pelajar, malah boleh membantu guru meningkatkan kemahiran mereka, khususnya dalam pengajaran bahasa Inggeris kerana melalui teknologi ICT, rujukan segera boleh dibuat untuk mengetahui sebutan yang betul bagi sesuatu perkataan tertentu, katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata kerajaan negeri memerlukan kemudahan ICT yang lebih canggih untuk menjadikan kakitangannya petugas yang lebih berilmu dan mahir.

"Kami perlu buat perubahan pada petugas bagi memudahkan usaha untuk membasmi kemiskinan di kalangan sektor tertentu penduduk seperti di sini dan di Tanjung Serik yang masih wujud kemiskinan tegar.

"Bagaimanapun, tugas ini bukan sesuatu yang mudah kerana terdapat lebih 5,000 orang yang berselerak di rumah panjang dan kampung dengan kira-kira 60 peratus daripadanya hanya mempunyai 100 keluarga setiap satu," katanya.

Beliau berkata kerajaan mempunyai matlamat untuk memperkenalkan program pendidikan ICT yang serupa kepada lebih banyak sekolah luar bandar di negeri ini.

"Kami sedang menimbang penggunaan gentian optik bagi mewujudkan hubungan dengan sekolah seperti itu, tetapi ketiadaan prasarana yang baik menjadi masalah utama dalam usaha ini," katanya.

Beliau berkata bagi kawasan pamah, rangkaian jalur lebar tanpa wayar sangat sesuai digunakan manakala bagi kawasan tanah tinggi pula, hubungan melalui satelit sesuai digunakan, walaupun membabitkan kos yang tinggi.

-- BERNAMA

ESS JK SP LAT